

Dr. Siti Hasmah sumber inspirasi
Utusan Online
Julai 21, 2011
Oleh ASMA HANIM MAHMOOD

KOTA BHARU 21 Julai – Pakar mata Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Ropilah Abd. Rahman tidak akan melupakan kali pertama matanya melihat kelibat seorang doktor wanita bertugas di Hospital Alor Setar, kira-kira 48 tahun lalu.

Dr. Ropilah, 57, berkata, gaya doktor wanita berkenaan ketika itu yang berkaca mata dengan jubah putih, stetoskop dan skirt paras lutut melayan pesakit dalam wad memukau hatinya dan menjadi pencetus utama minat beliau di bidang perubatan.

“Masa itu saya berumur sembilan tahun dan ke hospital bersama keluarga untuk melawat waris kami yang sakit.

“Itulah kali pertama saya melihat seorang doktor wanita dan berasa betapa hebatnya jika saya dapat jadi seperti dia, doktor wanita yang saya lihat hari itu adalah Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali (isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad),” katanya kepada Utusan Malaysia di sini, baru-baru ini.

Dr. Ropilah yang pernah mencatat sejarah sebagai ahli akademik wanita pertama dipilih mengetuai Jabatan Oftalmologi di UKM telah menerima Anugerah Mohamed Noor Marhakim (sempena nama tokoh ulung oftalmologi negara) pada Persidangan Sainifik Oftalmologi Pertama di sini, baru-baru ini.

Persidangan anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Universiti Sains Malaysia (USM), UKM dan Universiti Malaya (UM) itu disertai lebih 400 pakar mata, optometris dan petugas perubatan dari seluruh negara.

Anak kelahiran Kampung Mergong, Alor Setar, Kedah ini mengetuai Jabatan Oftalmologi di UKM sebanyak tiga kali pada 1995, 1997 dan 2004, sebelum bersara pada tahun lalu dan kini berkhidmat secara kontrak sebagai Penyelaras Program Sarjana Pembedahan Oftalmologi di universiti sama.

Dr. Ropilah mendapat ijazah pertamanya di Universitas Indonesia (UI) sebelum mengambil pengajian sarjana di UKM dan pernah berkhidmat di Hospital Toranomon, Tokyo pada 1994.

Beliau adalah antara penggerak utama yang bertanggungjawab menjalankan Kajian Mata Kebangsaan (NES) yang julung kalinya diadakan pada 1996 bagi mengumpul data mengenai kebutaan dan kecacatan penglihatan di kalangan penduduk negara ini.

“Itu antara kepuasan paling bermakna sepanjang karier saya di bidang ini kerana cadangan penambahbaikan yang diajukan kepada Kementerian Kesihatan melalui kajian itu telah membantu meningkatkan kemudahan kesihatan dan kelengkapan perubatan berkaitan mata di hospital seluruh negara,” katanya.

Dr. Ropilah telah menghasilkan lebih 30 buah jurnal, sebuah makalah dan terlibat dalam penerbitan buku Malaysian National Eye Survey dan merupakan salah seorang ahli sidang pengarang Asian Journal of Ophthalmology sejak 1998.

Beliau pernah menjadi salah seorang anggota lantikan Menteri Kesihatan dalam Majlis Optik Malaysia antara 1 Oktober 2007 sehingga 30 September 2010.

Beliau amat berbangga kerana pada masa kini, lebih 50 peratus daripada pakar mata atau oftalmologi dalam negara terdiri daripada kaum hawa.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0722&pub=utusan_malaysia&sec=Timur&pg=wt_02.htm&arc=hive